



KENYATAAN MEDIA LEMBAGA GETAH MALAYSIA

SITUASI SEMASA HARGA GETAH

Lembaga Getah Malaysia (LGM) ingin memaklumkan mengenai situasi semasa harga getah bagi tempoh Januari hingga Oktober 2019. Prestasi harga getah pada separuh tahun pertama 2019 menunjukkan aliran peningkatan di mana harga getah gred Standard Malaysian Rubber, SMR 20 meningkat sebanyak **9.5%** kepada **RM6.21 sekilogram** pada suku tahun kedua berbanding suku tahun pertama 2019 iaitu **RM5.67 sekilogram**. Peningkatan ini disumbangkan oleh faktor kekurangan bekalan getah disebabkan oleh musim daun luruh, penyakit kulat (*Pestalotiopsis disease*) di beberapa kawasan ladang utama di Indonesia serta pelaksanaan pemotongan eksport getah oleh Thailand, Indonesia dan Malaysia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council (ITRC)*.

2. Walau bagaimanapun, prestasi harga getah mula menunjukkan kemerosotan bermula pada suku tahun ketiga 2019 di mana harga SMR 20 merosot sebanyak **10%** kepada **RM5.59 sekilogram** berbanding suku tahun kedua 2019. Kejatuhan harga getah sepanjang tempoh ini adalah dipengaruhi oleh permintaan getah yang perlahan berikutan ketegangan perdagangan yang berlarutan di antara Amerika Syarikat dan China yang memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi dunia dan China yang perlahan.

3. Penurunan harga getah di pasaran dunia berterusan pada awal Oktober 2019 dipengaruhi oleh sentimen negatif di pasaran China, iaitu pengguna getah asli terbesar dunia. Sepertimana dilaporkan oleh media antarabangsa baru-baru ini, sebuah syarikat pedagang utama di China yang mengimport sebanyak **1.6 juta tan getah** setahun dari negara-negara pengeluar utama getah telah memberhentikan pembelian getah dan juga menamatkan kesemua kontrak perdagangan getah yang masih belum dilaksanakan. Situasi ini memberi kesan kepada pasaran getah dunia termasuk Malaysia di mana harga getah SMR 20 jatuh ke paras terendah pada tahun 2019 iaitu **RM5.16 sekilogram** pada 4 Oktober 2019.

Diterbitkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Lembaga Getah Malaysia

Telefon: 03- 9206 2098 | 012-2390767 Faks: 03-9206 2099

E-Mail: izalnazrin@lgm.gov.my, nuratikah@lgm.gov.my

Laman Web : www.lgm.gov.my |  Laman Rasmi Lembaga Getah Malaysia

 @lgm_mrb

4. Prihatin terhadap situasi semasa ini, kerajaan melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) akan terus memastikan kebajikan para pekebun kecil melalui pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah (IPG). IPG akan memastikan harga getah yang diterima oleh para pekebun kecil di peringkat ladang tidak terjejas oleh penurunan harga di pasaran dunia.

5. Di peringkat antarabangsa, Malaysia terus bekerjasama dengan negara-negara pengeluar utama getah iaitu Thailand dan Indonesia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council (ITRC)* bagi menangani kejatuhan harga getah yang berpanjangan melalui langkah-langkah seperti Skim Pengurusan Bekalan (*Supply Management Scheme*), Skim Menggalakkan Permintaan (*Demand Promotion Scheme*) serta Skim Kuota Pengeksportan (*Agreed Export Tonnage Scheme*).

7 Oktober 2019
Lembaga Getah Malaysia

Diterbitkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Lembaga Getah Malaysia

Telefon: 03- 9206 2098 | 012-2390767 Faks: 03-9206 2099

E-Mail: izalnazrin@lgm.gov.my, nuratikah@lgm.gov.my

Laman Web : www.lgm.gov.my |  Laman Rasmi Lembaga Getah Malaysia

 @lgm_mrb